




PERSATUAN SEJARAH  
MALAYSIA

KDN. 7890

KELUARAN 12 1987  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDISIKAH

PERSEMBAHAYA

1. Sejarah Lawyan ke Kampung Lukut Oleh: Dr. Ngah. Cheah Sook Zin	9
2. Kedua Air Oleh: Yaakub Idrus	36
3. Terengganu Parlimangan Adat Oleh: Yaakub Idrus dan Norzali Ismail	47
4. Perantauan Adat Melayu di Cirebon Oleh: Dr. Zaini bin Salleh (Gaduh)	57
5. Drama Sejarah "Jipu" Tepaknya Putera Limk Karya: Opra Lima 1. Mohd Yusni b. Mohd Said 2. Bordini b. Bordini 3. Nordin bin	63
6. Adat Berbari ("") Oleh: Enam Abdul Hadi	77
7. Sejarah Elanggah Meningkah Dengan Negeri Sembilan Oleh: Mohd. Hisham Tamim	93
8. Data Bandar Tunugol Oleh: Mohd Zahri b. Mohd. Arif	100

**SIDANG REDAKSI "WARISAN".  
JURNAL SEJARAH, PERSATUAN  
SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.**



Dari kiri: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK.  
Encik Hashim bin Jasa, AMN, PJK.  
Puan Hajah Aishah bt. Md. Sharif, PJK.


"Warisan" adalah Jurnal Sejarah tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan. Jurnal ini memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial dan ekonomi serta politiknya.

Pendapat-pendapat dan saranan yang terkandung di dalam artikel yang dimuatkan di dalam Jurnal ke 12 ini, tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.

"Warisan" mengalu-alukan sumbangan artikel berbentuk sejarah untuk penerbitan seterusnya. Alamatkanlah artikel tuan-tuan dan puan kepada:

Sidang Redaksi,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan,  
d/a Jabatan Pendidikan N.S.,  
70604 Seremban.

(U.P. Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC, PJK).



**Y.A.B. DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI  
ABDUL SAMAD D.S.N.S., P.M.C.  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN.**

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN



فجایة من تری بسر  
نگاری سنبیان

## MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

### KATA-KATA ALUAN

Penerbitan Kali Ke 12 Majalah Warisan membuktikan bahawa majalah berunsurkan sejarah ini mendapat sambutan daripada masyarakat terbanyak.

Ia juga membuktikan kemampuan sidang pengarang menerbitkan majalah yang dipenuhi dengan pengetahuan akademik khususnya mengenai sejarah.

Sehubungan dengan itu, suka saya mempelawa lebih ramai ahli penulis tempatan menyokong ke arah penerbitan majalah ini supaya dapat kita paparkan kepada orang ramai perjalanan sejarah negeri kita. Saya yakin masih banyak lagi unsur-unsur sejarah yang belum diketengahkan.

Oleh itu saya percaya mereka yang berpengetahuan tentang latar belakang sejarah satu-satu kawasan atau mukim di negeri ini akan dapat memberikan kerjasama kepada para penulis untuk dibukukan.

Sekian dan di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan penerbitan Warisan Ke 12 saya ucapkan berbanyak terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Haji Mohd Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad". The signature is fluid and cursive, with some vertical lines extending from the ends.

(DATO' HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

# DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum  
warahmatullahiwabarakatuh

Jurnal Warisan, mutiara kesayangan ahli-ahli sejarah, khasnya ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan terbit lagi menemui tuan-tuan dan puan-puan.

Usaha penerbitannya bukan sahaja membuka era sejarah Negeri Sembilan dalam menyingkap peristiwa-peristiwa yang banyak terpendam bahkan ia juga memberi peluang kepada penulis-penulis yang berminat di bidang sejarah, mengkaji dan menyelidik seterusnya nemaparkan kepada umum karya-karya mereka. Hasil karya mereka nanti bukan sahaja menjadi tatapan, tetapi ianya akan menjadi bahan kajian yang penting untuk generasi di hari muka.

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan, adalah masyarakat yang kaya dengan adat dan tradisi yang unik, contohnya seperti ‘Adat Berpuar’ yang ditulis oleh Encik Ismail bin Abdul Hadi, satu-satunya adat yang hampir lenyap ditelan masa. Ada banyak lagi ciri-ciri masyarakat tradisional yang patut diselidiki dan ditulis untuk menjadi warisan budaya negara kita. Penyelidikan melalui lawatan juga harus digalakkan, seperti artikel yang ditulis oleh Encik Yaakub bin Idrus, ianya patut menjadi contoh kepada anak-anak muda kita yang rajin mengembara dan menyelidik. Guru-guru seharusnya melakukan sesuatu yang positif ke arah ini.

Keluaran kali ini juga memuatkan karya hasil dari pertandingan Drama Sejarah antara sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Penulisan Sejarah berbentuk drama mempunyai dua fungsi iaitu sebagai penghantar fakta sejarah di samping ianya merupakan satu karya seni. Pertandingan ini diadakan utnuk menggalakkan pelajar-pelajar berminat dalam disiplin sejarah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam ‘Warisan’ keluaran ini, seterusnya ‘WARISAN’ memerlukan sumbangan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan sejarah bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik-walhidayah.



HASHIM BIN JASA AMN, PJK  
Pengarang Kehormat,  
Majalah Warisan Ke 12

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
1987**

Yang Di Pertua	:	Y.A.B. Dato' Haji Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
Naib Yang Di Pertua	:	Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
Setiausaha Kehormat	:	Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.
Ketua Pengarang	:	Encik Hashim bin Jasa AMN, PJK.
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK.
	:	Tuan Haji Sulaiman Samad, PJK.
	:	Datuk Mohd. Sharif bin Fakkeh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.
	:	Encik Zainal Abidin bin Yusuf PPB., PMC.
	:	Tuan Haji Husain bin Salleh.

# **DRAMA SEJARAH**

*TAJUK*

## **TEGAKNYA PUSAKA LUAK**

### **KARYA BERSAMA**

1. *Mohd. Yusri bin Mohd. Said*
2. *Ramlan b. Ramli*
3. *Norhayati.*

**SEKOLAH MENENGAH TUNKU BESAR,  
TAMPIN, NEGERI SEMBILAN.**

Drama ini telah mendapat Hadiah Pertama dalam Pertandingan Drama Sekolah-sekolah Menengah Negeri Sembilan Anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan TV3.

**SINOPSIS**

## **TEGAKNYA PUSAKA LUAK**

*Karya oleh:*      1. *Mohd. Yusri bin Mohd. Said*  
                        2. *Ramlan b. Ramli*  
                        3. *Norhayati.*

*Drama ini telah mendapat Hadiah Pertama dalam Pertandingan Drama Sekolah-sekolah Menengah Negeri Sembilan Anjoran Kementerian Pendidikan Malaysia dan TV3.*

Dalam kilometer 16, Datuk Lela Balang (Suku Paya Bidara) datang ke Rembau dan membuka Kampung Kota. Kemudian diikuti oleh saudaranya, Datuk Laut Dalam dan membuka pula Kampung Padang Lekuk.

Ketua Pemerintah Rembau ketika itu, Datuk Batin Sekudai (berada di bawah takluk Kerajaan Johor) mempunyai tiga orang anak perempuan (Tok Mudik, Tok Mengkudu, dan Tok Bungkal). Anak bongsunya, Tok Bungkal dikahwinkan dengan Datuk Lela Balang. Kerukunan rumah tangga mereka dikurniakan seorang anak lelaki, Seri Rama dan empat orang anak perempuan.

Keturunan (dari sebelah perempuan) Datuk Lela Balang dengan Tok Bungkal telah diperkenankan oleh Raja Johor untuk menjadi Penghulu Luak Rembau dengan gelaran Lela Maharaja dan waris Jakun. Datuk Laut Dalam ( yang beristerikan seorang Jawa sebelum datang ke sini) yang mempunyai empat orang anak perempuan ( Siti Hawa, Shamsiah, Norimah dan Malidi) telah merasa irihati serta cemburu akan kebesaran darjah perempuan dari anak-cucu Datuk Lela Balang yang berdarah Jakun itu; bila ditetapkan sebagai waris pemerintah Rembau.

Datuk Laut Dalam berharap keturunan dari isterinya menerusi yang perempuan juga mendapat kelebihan yang sama. Oleh itu beliau telah mengadap Raja Johor dan memohon memerintah sama. Permohonan itu diperkenankan dan mendapat hak yang sama memerintah di Rembau.

Dari saat itu ditetapkanlah pusaka Undang itu hendaklah disandang bergilir-gilir antara keturunan Datuk Lela Balang dengan keturunan Datuk Laut Dalam.

Setelah Seri Rama dewasa ia dilantik sebagai Undang Luak Rembau yang pertama (1540-1555). Seri Rama juga dikahwinkan dengan sepupunya Siti Hawa ( puteri sulung Datuk Laut Dalam).

## WATAK-WATAK

- |     |                         |            |
|-----|-------------------------|------------|
| 1.  | DATUK BATIN SEKUDAI     | DBS        |
| 2.  | DATUK LELA BALANG       | DLB        |
| 3.  | DATUK LAUT DALAM        | DLD        |
| 4.  | DATUK I                 |            |
| 5.  | DATUK II                |            |
| 6.  | ISTERI DATUK LAUT DALAM | ISTERI DLD |
| 7.  | SERI RAMA               |            |
| 8.  | SITI HAWA               |            |
| 9.  | PENGIRING PENGANTIN I   |            |
| 10. | PENGIRING PENGANTIN II  |            |
| 11. | PENGIRING PENGANTIN.    |            |

## ADEGAN I.

PELAKON : Datuk Laut Dalam (DLD)  
Isteri Datuk Laut Dalam (Isteri DLD)  
Datuk I  
Datuk II

TEMPAT : Di anjung rumah Datuk Laut Dalam

WAKTU : Petang.

TIRAI DIBUKA. DATUK LAUT DALAM SEDANG BERLEGAR DAN MUNDAR-MANDIR DI ANJUNG RUMAH. DIA BERKEADAAN GELISAH DAN BERFIKIR SESUATU. MASUK ISTERI DLD.

ISTERI DLD : Saya lihat kanda gelisah dan muram saja? Apa gerangan kanda berkeadaan demikian.

DLD : (HAIRAN) Hai ! Masakan dinda tak mendengar khabar? Apa yang telah berlaku dalam pemerintahan luak ini sekarang.

ISTERI DLD : Manalah dinda tahu! Kanda sendiri pun tidak mahu menyatakan. Kampung Padang Lekuk ini tentunya kandalah yang paling tahu.

DLD : Apakah benar dinda tidak tahu? Seri Rama anak saudara kanda Lela Balang di Kampung Kota itu telah diperkenankan oleh Paduka Raja Johor sebagai Penghulu Luak ini.

**ISTERI DLD**

: (SELAMBA) Eloklah tu! Bukankah Seri Rama itu anak saudara kanda sendiri.

Lagipun ibunya keturunan Datuk Batin Sekudai, Ketua pemerintah di sini.

**DLD**

: (SUARA AGAK TINGGI) Ya! Tapi apa halnya dengan keturunan kanda sendiri. Apa kata orang-orang di Padang Lekuk ini nanti.

**ISTERI DLD**

: (DIAM SEBENTAR). Bukankah Seri Rama lebih berhak.

**DLD**

: (SUARA TINGGI) Engkau orang perempuan apa tahu? Kanda dan orang-orang kanda di sini turut berjasa meneroka kampung ini. Lihat. ( MENUNJUK KE SATU ARAH) Kampung ini begitu indah dengan hasil titik peluh orang-orang kanda.

**ISTERI DLD**

: (TERUS MENYABARKAN DLD). Dia cucu Batin Sekudai.

**DLD**

: ( MARAH) YA !  
Tapi soalnya antara kanda (MENEPUK DADA) dengan Lela Balang. Kalau anak-cucunya diberi hak mewarisi Penghulu Luak; masakan anak-cucu kita tidak.

**ISTERI DLD**

: (DIAM SEBENTAR SAMBIL MENGGELENGKAN KEPALA)  
Tak apalah kanda.

- DLD : Mana boleh? (KERAS)  
Kita tidak boleh berdiam diri. Kalau Lela Balang mendapat hak, aku, adindanya mesti juga mendapat hak yang sama. Kami sama-sama meneroka luak ini.
- ISTERI DLD : Kanda...
- DLD : Dinda! Apakah darah yang mengalir di tubuh kanda ini tidak sama dengan darah Lela Balang (SUARA TERUS MENINGGI). Oh! Lela Balang berdarah putih ya, dan Laut Dalam berdarah merah?  
Kalau darah nak sama merahnya.  
Kalau tulang nak sama putihnya.  
Kalau daging nak sama beratnya.  
Seuri setembunilah kami.
- ISTERI DLD : Apa yang kanda harus buat dalam keadaan begini?
- DLD : Itulah yang kanda fikirkan sekarang. (SUARA MENURUN).
- SUARA DARI LUAR MEMBERI SALAM DAN DIJAWAB OLEH DATUK LAUT DALAM. ISTERI DLD MASUK KE DALAM.
- DATUK I : Maaf. Terlambat Datuk.
- DATUK II : Ya! Datuk.
- DLD : (MEMPERSILAKAN DUDUK) Sila datuk.
- MEREKA BERSALAM-SALAMAN. DATUK I DAN DATUK II DUDUK BERSILA DI HADAPAN DLD.
- DATUK I : Apa halnya datuk memanggil kami berdua?

- DLD : (PERLAHAN) Datuk! Datuk-datuk tentu tahu, Seri Rama telah diperkenankan oleh Paduka Raja Johor sebagai Penghulu Luak ini. Apakah adil bagi penduduk luak ini? Khususnya bagi penduduk Padang Lekuk ini.
- DATUK I : Mengapa Datuk?
- DLD : Kita semua telah sama-sama meneroka luak ini. Lela Balang di Kampung Kota tu, dan kita di Kampung Padang Lekuk ini. Kini...  
Pokok pinang sudah tinggi,  
Pokok nyiur hampir nak mati  
Luak ini tak kan sunyi lagi.  
Datuk. Patutkah anak-cucu Lela Balang saja mewarisi Penghulu Luak ini. Anak-cucuku di Padang Lekuk ini juga patut diberi hak yang sama.
- DATUK II : Benar juga Datuk. Kami pun berasa demikian. Tapi kami takut menyuarakannya kepada Datuk.
- DATUK I : Apa yang harus kita buat, Datuk?
- DLD : (DIAM SEBENTAR. BERFIKIR) Aku fikir kita mesti mengadap paduka Raja Johor memohon perkenan dari baginda. Apa pendapat datuk-datuk semua?
- DATUK I DAN DATUK II MENGANGGUKKAN KEPALA TANDA SETUJU.
- DATUK I : Ya Datuk. Patut benar kita berbuat demikian.

- DATUK II : Itulah yang sebaik-baiknya.
- DLD : (MEMANDANG DATUK I) Kalau begitu siapa yang akan pergi mengadap Paduka Raja Johor, untuk menyampaikan hajat penduduk Padang Lekuk ini.
- DATUK I : (MEMANDANG DATUK II) Biarlah kami berdua mengetuai rombongan mengadap Paduka Raja Johor. Sebagai tanda kebulatan hajat penduduk Padang Lekuk memohon Perwarisan itu.
- DATUK II : (MENCELAH) Itulah sebaik-baiknya, Datuk. Lagipun kita tak mahu pengikut-pengikut datuk di sini berasa terkilan dan tidak menghormati keturunan Datuk nanti.
- DLDP : Kalau begitu fikirkanlah masa yang sesuai untuk datuk berangkat ke sana. Carilah langkah yang baik. Dan sediakan persiapan yang perlu untuk dibawa mengadap.
- (TIRAI DILABUHKAN PERLAHAN-LAHAN).

## ADEGAN II.

- PELAKON : DATUK BATIN SEKUDAI (DBS)  
DATUK LELA BALANG (DLB)  
DATUK LAUT DALAM (DLD)  
DATUK I  
DATUK II

TEMPAT : RUANG TAMU RUMAH DATUK BATIN  
SEKUDAI.  
WAKTU : SIANG.

TIRAI DIBUKA.

RUANG TAMU RUMAH DATUK BATIN SEKUDAI MERUPAKAN SEBUAH RUANG TAMU RUMAH MELAYU ZAMAN DAHULU DATUK BATIN SEKUDAI SEDANG MAKAN SIRIH BERSAMA MENANTUNYA, DATUK LELA BALANG.

DLD : Assalamualaikum.

DBS : Waalaikumussalam.  
Jemput naik.

DATUK LAUT DALAM, DATUK I DAN DATUK II BERSALAM-SALAMAN DENGAN DATUK BATIN SEKUDAI DAN DATUK LELA BALANG.

DBS : Sila duduk datuk.

SEMUA DUDUK BERSILA.

DATUK LELA BALANG MENGHULURKAN TEPAK SIRIH.

: Apa khabar anak-anak buah di Padang Lekuk? Dah lama saya tidak mendengar berita dari sana.

DLD : Alhamdulillah ! Datuk ! Semuanya dalam keadaan baik dan tenteram. Padi di bendang sudah menguning, hanya menunggu masa untuk dituai.

DBS : Syukurlah Datuk! Moga-moga rezeki kita bertambah.

Datuk! Pada firasat hamba kedadangan datuk kali ini tentu membawa hajat yang besar, atau berita yang baik.

- DLD : Begitulah datuk. Tapi ... Sungguh kelu lidah kami untuk berkata. Khuatir kalau dikata melanggar bahasa.
- DBS : Masakan begitu datuk.
- DATUK I : (PERLAHAN) Begini datuk. Kami baru balik dari mengadap Paduka Raja Johor. Baginda mengirim salam kepada Datuk dan Datuk Lela Balang juga.  
(SAMBIL MENOLEH KEPADA DATUK LEWA BALANG).
- DBS & DLB : (SERENTAK) Waalaikumussalam.
- DBS : Kenapa gerangannya datuk-datuk ke sana? Sehingga tak sempat untuk memberitahu hamba? Kalau diberitahu boleh juga kami di sini mengirim salam dan sedikit oleh-oleh sebagai persembahan dari penduduk di sini.
- DLD : Maafkanlah kami Datuk. Atas keterlanjuran bicara dan laku kami itu.
- DATUK I : (MENYAMPUK) Datuk! Kami mengadap pun dengan satu hajat yang tak dapat kami heboh-hebohkan. Takut kami penduduk di Padang Lekuk mendapat malu.
- DBS : Apa halnya tu? Hinggakan dirahsiakan begitu benar. Sulit benarkah?

- DATUK I : Begini Datuk. Setelah kami berunding dengan Datuk-Datuk dan anak buah di Padang Lekuk kami rasa keturunan Datuk Laut Dalam juga patut diberi hak untuk mewarisi Penghulu Luak ini demi memelihara darjat keturunan Datuk Laut Dalam bersama saudaranya Datuk Lela Balang. Juga bagi memelihara muafakat kami.
- DATUK II : (MENCELAH) Kami berdua telah diutuskan pergi mengadap Paduka Raja Johor bagi mempersempahkan hajat kami itu.
- DATUK LAUT DALAM MENGHULURKAN WATIKAH PERWARISAN YANG PERSETUJUI OLEH PADUKA RAJA JOHOR, KEPADA DATUK BATIN SEKUDAI. DATUK BATIN SEKUDAI MEMBACA SENYAP DAN KEMUDIAN MENGHULURKAN PULA KEPADA DATUK LELA BALANG.**
- DBS : Oh ! Begitu. (SAMBIL MENGANGGUKKAN KEPALANYA). Kenapa Datuk-Datuk tak berunding dengan kami di sini dulu tentang hal ini. Bukanakah boleh kita selesaikan bersama. Bulat air kerana pembetung. Bulat kata kerana muafakat. Kan.... lebih manis kalau begitu caranya.
- DLD : (MENGHULURKAN TANGAN) Sekali lagi kami mohon maaf datuk. Bukan niat kami untuk membelaikan atau menyakitkan hati datuk.
- DATUK I : Usahlah datuk berasa gusar dan buruk sangka. Kami sekadar menyampaikan hajat kami kepada Paduka Raja Johor. Tak lebih dari itu.

- DLB : (MENCELAH) Kalau sudah begitu keadaannya izinkan hamba mencelah. Kalau Paduka Raja Johor sudah memperkenankannya tiada apa yang harus kita hebohkan lagi. Itulah yang sebaik-baiknya bagi mengelakkan kekeruhan yang bertaku di luak ini. Kini, Seri Rama telah diperkenankan oleh baginda sebagai Penghulu Luak ini. Kata orang tak lengkap kalau Penghulu kita itu tidak berteman.
- DATUK II : Benar tu Datuk.
- DLB : Kata orang.  
Untung si laki-laki ditanya-tanyakan, Untung si perempuan dinanti-nantikan.  
Hukum tidak melarang.  
Adat tidak menyalah;  
Yang jauh didekatkan,  
Yang dekat dieratkan  
Untuk menjernihkan keadaan, membuang kekeruhan  
apa kata kalau Seri Rama kita  
jodohkan....(TERPUTUS)
- DBS : (MENGANGGUKKAN KEPALA) Saya faham.  
Itulah yang sebaik-baiknya. Kata orang,  
Yang buruk dibaiki,  
Yang kusut diselesaikan,  
Gaduh di hulu dihului,  
Gaduh di hilir dihiliri,  
Gaduh di tengah dihampiri.  
Bukankah begitu datuk-datuk sekalian.

(SEMUA YANG HADIR BERSETUJU DAN GEMBIRA  
DENGAN PENYELESAIAN YANG DICAPAI).

TIRAI DITUTUP.

SUARA LATAR:

ATAS PERKENAN PADUKA RAJA JOHOR JUGA  
KETURUNAN ANAK PEREMPUAN DATUK LAUT DALAM  
DARI WARIS JAWA DIBERI HAK MEWARISI PUSAKA  
UNDANG LUAK REMBAU, DI SANDANG SECARA  
BERGILIR-GILIR DARI KEDUA KETURUNAN SUKU  
BIDUANDA ITU.

JURAI PUSAKA INI MENJADI PEGANGAN DAN TENTUAN  
BAGI GELARAN PUSAKA DATUK UNDANG LUAK  
REMBAU HINGGA KE HARI INI.

MOGA-MOGA TAK LAPUK DEK HUJAN DAN TAK LEKANG  
DEK PANAS.